

21/01/1999

Sokongan padu rakyat terbukti

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Sokongan padu rakyat terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan membuktikan gerakan reformasi yang dicetuskan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak diterima di negara ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Ali Rustam, juga menyifatkan kunjungan berpuluh-puluh ribu orang ke kediaman Perdana Menteri di Sri Perdana sempena hari terbuka Aidilfitri semalam menunjukkan sokongan yang diterima kerajaan tidak merosot berikutan kegawatan ekonomi dan politik yang melanda negara.

Beliau menganggap kunjungan rakyat yang luar biasa ke kediaman rasmi Dr Mahathir semalam sebagai satu petanda baik bagi Dr Mahathir dan kerajaan.

Katanya, ini membuktikan rakyat menyokong Barisan Nasional (BN) dan menghargai segala jasa Dr Mahathir dan kerajaan.

"Mereka menghargai usaha Perdana Menteri dan kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi sekaligus memulihkannya seperti di masa lalu.

"Ini juga menunjukkan dasar kerajaan selama ini diterima rakyat," katanya mengulas kunjungan ramai rakyat ke rumah terbuka Aidilfitri di Sri Perdana semalam.

Lebih 40,000 rakyat jelata pelbagai kaum hadir ke rumah terbuka Perdana Menteri yang diadakan pada dua sesi semalam iaitu jam 10 pagi hingga 1.30 tengahari dan 2.30 hingga 5 petang.

Perdana Menteri menjelaskan, rakyat yang hadir bukan sahaja mengucapkan selamat hari raya, malah menyatakan sokongan terbuka secara peribadi kepada kerajaan.

Ali menjelaskan, sokongan kepada Perdana Menteri dan kerajaan itu menunjukkan gerakan reformasi ditolak rakyat.

Mengenai kesediaan pemimpin kerajaan menghadapi pilihan raya berikutan sokongan rakyat itu, Ali berkata, keputusan menetapkan tarikh pilihan raya berada di tangan Perdana Menteri.

"Bagi pemimpin peringkat bawah, kami memang sentiasa bersedia menghadapi pilihan raya pada bila-bila masa," katanya.

(END)